

Praktis 3

Bahan di bawah ini mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan, dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan tersebut.

Percutian ke Melaka pasti akan memberikan pengalaman yang menarik kepada para pengunjung. Walaupun Melaka ialah antara negeri yang terkecil di Malaysia, banyak tempat-tempat bersejarah menarik yang dapat dikunjungi oleh kita di negeri ini.

Sepanjang berada di Bandar Hilir, kita dapat melihatkan bangunan lama tinggalan penjajah seperti Kota A Famosa, Bangunan Stadhuys, bangunan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, dan Kota Belanda. Lawatan ini akan memberikan pengalaman dan ilmu pengetahuan yang tidak dapat diperoleh di tempat lain.

Mercutanda baharu di Melaka, iaitu Menara Taming Sari turut menjadi tumpuan pengunjung. Pemilihan nama menara ini dibuat berdasarkan kepada nama sebilah keris, iaitu keris Taming Sari yang dihadiahkan pada Hang Tuah setelah beliau menjatuhkan seorang pendekar Kerajaan Majapahit.

Para pengunjung dapat melihat keindahan pemandangan di sepanjang Sungai Melaka dengan menaik bot River Cruise Sungai Melaka. Selain itu, mereka seharusnya tidak melepaskan peluang demi untuk menaiki beca yang dilukis dengan indah dan berwarna-warni serta dilengkapi alunan muzik yang kuat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Melaka Negeri Warisan'
oleh Kalam Jambu,
Dewan Siswa, Bil. 3/2022

[13 markah]

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____
- (v) _____
- (vi) _____
- (vii) _____
- (viii) _____

- (ix) _____
- (x) _____
- (xi) _____
- (xii) _____
- (xiii) _____